

Kiralah dulu nikmat

UM 13 FEB 1982
KUALA LUMPUR, 12 Feb. - Kiralah rahmat yang dinikmati, kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, malam ini.

"Bila sahaja saudara memikirkan hidup di Malaysia ini sengsara, saya syorkan saudara mengira rahmat yang dinikmati di sini. Kalau selepas itu saudara masih juga merasa hendak membungkus kain baju untuk tinggal di luar negeri, saya percaya saudara akan benar-benar gembira di situ," katanya.

Berucap dalam satu majlis jamuan anjuran Majlis Peguam di sini, Perdana Menteri berkata: "Bukanlah maksud

Dengan pentadbiran itu, katanya, potensi-potensi Malaysia akan dapat digunakan sepenuhnya bagi kebaikan semua rakyat.

"Para peguam, saya percaya, tidak begitu gembira dengan kekuatan negara, tetapi saya boleh memberi jaminan bahawa alternatifnya - kerajaan-kerajaan lemah - adalah lebih teruk lagi, bagi negara dan profesion tuan-tuan," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata walaupun tidak seharusnya wujud kuasa mutlak - "Kita diberitahu bahawa kuasa menimbulkan perbuatan rasuah dan kuasa mutlak menimbulkan ra-

maju keadaan imbalan antara kedua-dua parti yang sama kuat telah menghasilkan kerajaan-kerajaan yang lemah dan tidak berkesan."

Beliau sedar bahawa kerajaan-kerajaan kuat juga berbahaya meskipun ia bukan mutlak dan terdapat kebimbangan bahawa disebabkan parti memerintah di Malaysia menguasai 2/3 kelebihan suara pada bila-bila masa ia akan menyalahgunakannya.

"Saya tidak mengatakan bahawa perkara ini tidak boleh jadi, tetapi dalam sesebuah negara membangun perlunya diwujudkan kerajaan-kerajaan yang kuat

diperlukan, ia akan menjaga kerahsiaan cadangan-cadangan itu.

"Jika kerajaan ingin mengadakan perbincangan awam mengenai ini maka ia akan berbuat demikian," katanya.

Kerajaan akan mengkaji nasihat majlis itu tetapi mengekalkan hak untuk menerima atau menolaknya, dan apabila cadangan itu menjadi undang-undang "jadi saya kira peranan masyarakat guaman akan terhad kepada penggunaan undang-undang itu."

"Penggubal undang-undang hendaklah menggubalnya dan para penagmalnya hendaklah

